



EXCO PEMBANGUNAN WANITA & KEBAJIKAN MASYARAKAT

KITASELANGOR

Ruj Kami : AMMKN10.SEL.WKM.100-8 Jld.8(42)
Tarikh : 26 Mei 2025

Kepada Yang Berkenaan

Tuan/ Puan,

SOKONGAN TERHADAP PENGANJURAN SELANGOR INTERNATIONAL CARE SUMMIT (SICS) 2025

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat & Ekonomi Penjagaan (Care Economy) melalui Wanita Berdaya Selangor akan menganjurkan Selangor International Care Summit 2025 yang dijadualkan akan berlangsung pada 9hb hingga 11hb Oktober 2025 akan datang.

3. Sektor ekonomi penjagaan (Care Economy) kini menjadi salah satu teras penting dalam pembangunan sosial dan ekonomi negeri. Ia bukan sekadar tanggungjawab atau peranan wanita sama ada sebagai ibu, penjaga atau jururawat, tetapi harus dipikul oleh seluruh masyarakat menerusi pendekatan Whole of Selangor.

4. Selangor mengambil serius keperluan untuk membangunkan penyelesaian menyeluruh (*end-to-end solutions*) dan membina ekosistem ekonomi penjagaan yang mampan. Usaha ini adalah selaras dengan komitmen utama Kerajaan Negeri di bawah Rancangan Selangor Pertama (RS-1), yang menekankan kesejahteraan rakyat, peluang ekonomi baharu, serta kelestarian sosial.

5. Selangor International Care Summit (SICS) 2025 akan menjadi platform penting untuk memperkasa sektor ini, membuka ruang kepada pemain industri dan rakyat untuk menerokai bidang ekonomi penjagaan, serta mengukuhkan kedudukan Selangor sebagai hab utama ekonomi penjagaan di rantau ini.

6. Dalam kaitan di atas, Wanita Berdaya Selangor telah melantik syarikat TwoJ Creative Sdn Bhd untuk tujuan mencari tajaan dan penyertaan. Saya menyeru semua pihak, sama ada daripada sektor awam, swasta mahupun masyarakat sivil, untuk memberikan sokongan penuh terhadap penganjuran program ini.

../2

**SOKONGAN TERHADAP PENGANJURAN SELANGOR INTERNATIONAL CARE
SUMMIT (SICS) 2025**

Sekian,

**“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(ANFAAL BINTI SAARI)

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor